

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 27 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Agong kurnia darjah kebesaran kepada 130 penerima	Utusan Malaysia
2.	King confers awards on 130 people	New Straits Times
3.	Agong kurnia darjah kebesaran kepada 130 penerima	BERNAMA
4.	Semua Pusat Pemindahan banjir di Pahang ditutup	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH : 27 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

## Agong kurnia darjah kebesaran kepada 130 penerima

**KUALA LUMPUR 26 Nov.** - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2015 kepada 130 penerima.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah turut berangkat ke istiadat pengurniaan itu yang berlangsung di Balairung Seri Istana Negara di sini bersempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi Seri Paduka yang disambut pada 6 Jun lepas.

Mendahului senarai penerima darjah dalam istiadat pengurniaan kali ini ialah bekas Panglima Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Jeneral Tan Sri Dr. Moeldoko yang menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) Kehormat.

Turut menerima darjah PSM Kehormat ialah bekas Setiausaha Agung ASEAN, Tan Sri Dr. Surin Pitsuwan. Pengurniaan darjah berkenaan membawa gelaran Tan Sri.

Tuanku Abdul Halim turut mengurniakan Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) kepada 10 penerima antaranya Pengerusi Puspanita Negeri Pulau Pinang, Datin Seri Hamidah Mat Daud, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Jaminan Kualiti **Jabatan Kimia Malaysia**, Bakhtiar Kassim, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Maizan Ismail, Setiausaha Bahagian Kabinet Jabatan Perdana Menteri, Nadiah Ahmad Tajuddin dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan Bahagian Pinjaman Perumahan, Sendeli Sebli.

Tuanku Abdul Halim turut mengurniakan Darjah Kesatria Setia Diraja (KSD) kepada tiga penerima daripada Tentera Udara Diraja Malaysia iaitu Lt. Kolonel Ahmad Juniar Abdul Wahab, Mejar Alfian Naem Katiman dan Kapten Ilham Roshan-



**TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH** berkenan mengurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri kepada Jeneral Dr. Pramono Edhie Bangga Moeldoko dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2015 di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

dy Azwir Zulfian.

Seri Paduka turut mengurniakan Darjah Ahli Mangku Negara (Kehormat) kepada Konsulat General Negara Sudan, Mahmoud Abdelrahim Ahmed Elhaj dan mengurniakan

Darjah Ahli Mangku Negara (AMN) kepada 22 penerima.

Sementara itu, 36 individu menerima Pingat Pangkuan Negara (PPN) manakala 56 menerima Pingat Bentara Setia Diraja (BSD). - BERNAMA

# King confers awards on 130 people

**INVESTITURE:** Titles, medals presented in conjunction with His Majesty's official birthday on June 6

KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**Y**ANG di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yesterday conferred 2015 federal awards and medals on 130 recipients at Istana Negara here in conjunction with his official birthday celebrations on June 6.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah was also present at the investiture ceremony held at the Throne Room of the palace.

Heading the list of recipients were

former Indonesian Armed Forces chief General Tan Sri Dr Moeldoko, who was bestowed the Honorary Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM), which carries the title "Tan Sri".

Also receiving the Honorary PSM award was former Asean secretary-general Tan Sri Dr Surin Pitsuwan.

Tuanku Abdul Halim conferred the Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) on 10 individuals. They included Penang Puspanita chairman Datin Seri Hamidah Mat Daud, Malaysia Chemistry Department head of its Research and Quality Assurance Division, Bakhtiar Kassim, National Library deputy director-general Maizan Ismai and secretary of the Cabinet Division in the Prime Minister's Department, Nadiah Ahmad Tajuddin.

The Darjah Kesatria Setia Diraja (KSD) were conferred on three officers from the Royal Malaysian Air Force, Lieutenant Colonel Amad



Former Indonesian Armed Forces chief **General Tan Sri Dr Moeldoko** receiving the Honorary Darjah Panglima Setia Mahkota from **Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah** at Istana Negara in Kuala Lumpur yesterday. **Bernama** pic

Juniar Abdul Wahab, Major Alfan Naem Katiman and Captain Ilham Roshandy Azwir Zulfian.

Tuanku Abdul Halim also conferred the Darjah Ahli Mangku Ne-

gara (Honorary) on the Consul General of Sudan, Mahmoud Abdelrahim Ahmed Elhaj, and the Darjah Ahli Mangku Negara (AMN) on 22 individuals. **Bernama**



## Agong Kurnia Darjah Kebesaran Kepada 130 Penerima



Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mengurniakan Darjah Paglima Setia Mahkota kepada Mantan Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Jeneral Dr Pramono Edhie Bangga Moeldoko

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2015 kepada 130 penerima.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah turut berangkat ke istiadat pengurniaan itu yang berlangsung di Balairung Seri Istana Negara di sini bersempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi Seri Paduka yang disambut pada 6 Jun lepas.

Mendahului senarai penerima darjah pada istiadat pengurniaan kali ini ialah bekas Panglima Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Jeneral Tan Sri Dr Moeldoko yang menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) Kehormat.

Turut menerima darjah PSM Kehormat ialah bekas Setiausaha Agung ASEAN Tan Sri Dr Surin Pitsuwan.

Pengurniaan darjah berkenaan membawa gelaran Tan Sri.

Tuanku Abdul Halim turut mengurniakan Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) kepada 10 penerima antaranya Pengerusi Puspanita Negeri Pulau Pinang Datin Seri Hamidah Mat Daud, [Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Jaminan Kualiti Jabatan Kimia Malaysia Bakhtiar Kassim](#), Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Maizan Ismail, Setiausaha Bahagian Kabinet Jabatan Perdana Menteri Nadiah Ahmad Tajuddin dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan Bahagian Pinjaman Perumahan Sendeli Sebli.

Tuanku Abdul Halim turut mengurniakan Darjah Kesatria Setia Diraja (KSD) kepada tiga penerima daripada Tentera Udara Diraja Malaysia iaitu Lt. Kolonel Ahmad Juniar Abdul Wahab, Mejar Alfian Naem Katiman dan Kapten Ilham Roshandy Azwir Zulfian.

Seri Paduka turut mengurniakan Darjah Ahli Mangku Negara (Kehormat) kepada Konsulat General Negara Sudan Mahmoud Abdelrahim Ahmed Elhaj dan mengurniakan Darjah Ahli Mangku Negara (AMN) kepada 22 penerima.

Sementara itu, 36 individu menerima Pingat Pangkuan Negara (PPN) manakala 56 menerima Pingat Bentara Setia Diraja (BSD).

-- BERNAMA



## Semua Pusat Pemindahan Banjir Di Pahang Ditutup

KUANTAN, 26 Nov (Bernama) -- Dua buah pusat pemindahan banjir di Lipis serta Raub telah ditutup tengah hari tadi setelah banjir mulai surut dan mangsa telah kembali ke rumah masing-masing.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Pahang Zainal Yusoff berkata pusat pemindahan banjir yang terakhir ditutup ialah Balai Raya Tersang, Raub yang menempatkan 19 mangsa daripada tiga keluarga.

"Pusat pemindahan tersebut ditutup kira-kira pukul satu tengah hari. Begitu juga dengan pusat pemindahan banjir di Sekolah Lubuk Kulit, Lipis turut ditutup setelah banjir mulai surut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pada masa yang sama beliau meminta orang ramai terutama di kawasan yang sering dilanda banjir supaya sentiasa bersedia untuk berpindah jika hujan berterusan di kawasan mereka.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** semalam mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning di Kelantan, Terengganu dan Pahang mulai hari ini sehingga Sabtu nanti.

-- BERNAMA